

PM jamin suasana pelaburan kondusif kekal

BH 05 OCT 2001

KUANTAN, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan kerajaan Malaysia akan sentiasa memastikan suasana pelaburan yang kondusif di negara ini berkekalan dan diutamakan.

Justeru, Perdana Menteri berkata, faktor keselamatan akan terus diutamakan supaya pelabur asing dan tempatan dapat menjalankan kegiatan masing-masing tanpa gangguan.

Beliau berkata, kerajaan juga akan sentiasa mengambil langkah proaktif bagi membolehkan semua kegiatan perniagaan beroperasi dalam suasana selamat dan terkawal.

Katanya, Malaysia perlu berbuat demikian disebabkan kemerosotan ekonomi dunia yang dijangka berpanjangan berikutan kejadian yang berlaku di Amerika Syarikat.

"Masalah ekonomi dunia itu juga mendorong cabaran untuk menarik pelaburan asing secara terus (FDI) ke negara ini semakin sengit.

"Jika ketidakpastian itu berterusan menyelubungi ekonomi dunia, persaingan akan semakin sukar dengan kebanyakan negara cuba melakukan usaha yang sama," katanya ketika merasmikan Kompleks Kimia

Bersepadu BASF-Petronas Chemicals Sdn Bhd (BPC) bernilai RM3.4 bilion di Kawasan Perindustrian Gebeng, dekat sini, petang ini.

Turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob; Pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin; Presiden dan Ketua Eksekutif Petronas, Tan Sri Mohd Hassan Marican; dan Ahli Lembaga Pengarah Eksekutif BASF AG, Helmut Becks.

Dalam usaha mewujudkan suasana pelaburan menarik, Dr Mahathir berkata, kerajaan sentiasa menyediakan dan meningkatkan pelbagai kemudahan serta logistik yang diperlukan.

Contohnya, dalam memajukan industri petrokimia di Pantai Timur, kerajaan membina Lebuhraya Pantai Timur yang dijangka siap Ogos 2003 bagi memudahkan perhubungan dengan koridor industri Pantai Timur dengan Pantai Barat.

Beliau berkata, Pelabuhan Kuantan yang menjadi saluran utama pengedaran produk keluaran syarikat petrokimia di Gebeng, turut diperbesar bagi menambah keupayaan pengendalian penghantaran.

"Projek pembesaran itu membabitkan pembinaan jeti petrokimia yang baru

selain terminal dermaga yang dalam perancangan.

"Semua kemudahan ini dapat meningkatkan pengendalian penghantaran di pelabuhan itu," katanya.

Perdana Menteri berharap, peningkatan logistik dan kemudahan itu membantu pertumbuhan industri petrokimia selain menyokong industri lain di Gebeng dan Kertih, Terengganu.

Beliau berkata, dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini, pendapatan yang diperolehi daripada hasil eksport produk kimia berjumlah RM7.8 bilion iaitu 5.4 peratus daripada keseluruhan eksport bernilai RM144 bilion berbanding 4.8 peratus tahun lalu.

Katanya, 50 peratus daripada projek petrokimia bernilai lebih RM19 bilion yang dirancang pelaksanaan dalam beberapa tahun akan datang, datang daripada FDI.

"Dengan ada kemudahan bahan mentah, kemudahan asas yang baik, kestabilan politik dan pelbagai insentif disediakan kerajaan, saya percaya Malaysia menjadi lokasi paling menarik di rantau ini untuk syarikat antarabangsa melabur dalam projek petrokimia," katanya.